



9.0 AKTA DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

9.1 PENGENALAN

Dalam isu pembangunan landskap, akta dan perundangan memainkan peranan penting dalam usaha mengawal dan memastikan pembangunan landskap. Tanpa kawalan, usaha pembangunan landskap akan menjadi sia-sia dan tidak teratur.

9.2 ANALISA UNDANG-UNDANG SEDIA ADA

Di Semenanjung Malaysia, terdapat beberapa akta yang berkaitan dengan pembangunan landskap dan bandar warisan. Penguatkuasaan akta ini amat penting bagi memastikan pembangunan landskap yang dirancang akan berjalan dengan lancar.

9.2.1 Kanun Tanah Negara (Seksyen 124A dan 204)

1. Memelihara Tanah Lapang Awam seperti yang Dirancang - Kerajaan negeri diberi kuasa untuk menentukan rizab-rizab kerajaan yang diperlukan. Ini termasuklah tanah lapang awam kerana pemilik tanah menyerah kesemua pecahan lot kepada kerajaan dan memberi milik semula kepadanya lot-lot pemajuan untuk diberi *Qualified Title* (QT), tanah lapang awam seperti diluluskan di dalam pelan pecah sempadan diberi syarat nyata sebagai tanah kerajaan dan jenis tanah adalah tanah lapang awam atau bangunan.
2. Mengawal Proses Birokrasi - Mengikut Seksyen 204, Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Tempatan perlu mematuhi beberapa proses sebelum boleh memiliki tanah untuk dimajukan. Di bawah sistem serah dan kurnia semula, pihak kerajaan dapat memilikinya secara automatik setelah pelan pecah sempadan diluluskan dan Pihak Berkuasa Tempatan hanya perlu mengambil tindakan *follow-up* dan *follow-through* dengan pihak Pejabat Tanah dan Galian (PTG) sahaja. Pelaksanaan Tanah Lapang Awam Lebih Berkesan, Pihak kerajaan lebih bersungguh-sungguh untuk melaksanakan tapak-tapak tanah awam yang dimiliki melalui kelulusan yang telah diberi untuk tujuan asalnya. Di samping itu, pihak kerajaan dapat berunding terus dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk merancang pelaksanaan programnya dengan berkesan.
3. Pejabat Tanah dan Galian (PTG) mempunyai data lengkap mengenai tanah lapang awam. Pejabat Tanah dan Galian berkeupayaan untuk mewujudkan sistem maklumat tanah lapang awam yang lengkap dan boleh dikesan dari masa ke semasa kemajuan pelaksanaannya dengan pantas untuk mengatasi masalah-masalah berkaitan.
4. Pelaksanaan sistem rizab dan pewartaan tanah kerajaan dibawah Kanun Tanah Negara Yang Dirancang Untuk Tanah Kegunaan Awam (Seksyen 62 KTN), pelaksanaan tanah lapang awam melibatkan juga pelaksanaan sistem

rizab dan pewartaan serta Pejabat Tanah dan Galian atas syarat dan mengemukakan laporan secara tertentu. Bagi mewujudkan tanah lapang awam, Pihak Berkuasa Tempatan perlu melalui proses memohon untuk memiliki tanah lapang awam yang diluluskan oleh kerajaan Negeri yang telah diberi syarat nyata tanah kerajaan dan belum lagi diiktiraf sebagai tanah lapang awam yang sah. Pihak Berkuasa Tempatan yang perlu memohon untuk merizabkan dan mewartakan sebagai tanah lapang awam yang sah. Pihak Berkuasa Tempatan juga perlu memohon untuk merizabkan dan mewartakan sebagai tanah lapang awam daripada Pejabat Tanah dan Galian. Prosedurnya yang terkandung dalam Seksyen 62 di bawah Kanun Tanah Negara.

Proses ini wajib dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan di bawah amalan semasa, kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan tidak melaksanakannya kerana prosesnya menyulitkan dan mengambil masa yang panjang. Pihak Berkuasa Tempatan perlu membuat siasatan atas tanah berkenaan terperinci mengikut peruntukan undang-undang. Sekiranya laporan didapati tidak memuaskan maka permohonan boleh ditolak dan syarat nyata tanah dikekalkan sebagai bangunan di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) masing-masing.

Proses rizab dan pewartaan sedia ada juga merupakan punca utama tanah lapang awam dirancang dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri tidak dirizabkan dan diwartakan. Ini secara tidak langsung menyebabkan tanah lapang awam yang tidak majukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kerana prasyaratnya ialah Pejabat Tanah dan Galian perlu memberitahu terlebih dahulu pewartaan tanah lapang awam berkenaan sebelum melantik Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyelenggarakannya.

9.2.2 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

Dalam Akta 172, Bahagian 111 – Rancangan Kemajuan, Seksyen 12 menunjukkan perkara yang berkaitan dengan perancangan landskap iaitu :-

1. Sesuatu draf Rancangan Tempatan hendaklah mengandungi suatu peta dan suatu pernyataan bertulis dan hendaklah membuat rumusan yang mengandungi apa-apa perincian yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan mengenai cadangannya bagi :
 - a. Memajukan;
 - b. Menggunakan tanah dalam;

- c. Melindungi dan memperelok alam sekitar dari segi fizikal bagi;
 - Memelihara topografi semula jadi;
 - Memelihara dan menanam pokok;
 - Mengadakan tanah lapang;
 - d. Memelihara dan mengindahkan ciri dan rupa bangunan;
 - e. Memperbaiki sistem komunikasi; dan
 - f. Mengendalikan lalulintas dalam kawasan Rancangan Tempatan dan;
2. Mengandungi perkara-perkara yang ditetapkan atau yang ditentukan oleh Jawatankuasa dalam sesuatu kes yang tertentu.

Bahagian IV – Pengawalan Rancangan, Akta 172 dalam Seksyen 21A berkenaan Laporan Cadangan Pemajuan yang mana ia bertindak sebagai tambahan kepada dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang dikehendaki supaya disampaikan dibawah seksyen 21(1) untuk kebenaran merancang, pemohon hendaklah menyampaikan suatu Laporan Cadangan Pemajuan yang mengandungi perkara berikut :-

- i. Konsep dan justifikasi pemajuan;
- ii. Peta lokasi dan pelan tapak ;
- iii. Butir-butir hak milik tanah dari sekatan ke atas tanah, jika ada;
 - a. Perihal tanah, dan segi fizikal topografinya, landskapnya, geologinya, konturnya, salirannya, air dan tadahan air dan bentuk-bentuk semulajadi di atasnya.
 - b. Hasil tinjauan pokok-pokok dan semua jenis tumbuh-tumbuhan, dan;
 - c. Mengendalikan lalulintas dalam kawasan Rancangan Tempatan dan;
- iv. Analisis gunatanah dan kesannya terhadap tanah yang berdampingan,
- v. Pelan-pelan susunatur yang mengandungi butir-butir yang ditentukan dalam seksyen 21 (B):
- vi. Perkara-perkara lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan;

3. Mengandungi perkara-perkara yang ditetapkan atau yang ditentukan oleh Jawatankuasa dalam sesuatu kes yang tertentu.

Dalam Seksyen 21B, Akta 172 menerangkan mengenai perkara yang berkaitan dengan pelan susunatur. Antaranya adalah seperti berikut:-

4. Pelan-pelan susunatur di bawah perenggan (f) Seksyen 21A(1) hendaklah menunjukkan pemajuan yang dicadangkan dan khususnya :
 - a. Jika pemajuan itu berkenaan dengan mana-mana tanah;
 - i. Langkah-langkah bagi melindungi dan memperelok alam sekitarnya dari segi fizikal.
 - ii. Langkah-langkah bagi melindungi topografi semulajadinya.
 - iii. Langkah-langkah bagi memperelok landskapnya.
 - iv. Langkah-langkah bagi memelihara dan menanam pokok-pokok di atasnya.
 - v. Pengadaan tanah lapang
 - vi. Cadangan kerja tanah jika ada; dan
 - vii. Perihal kerja-kerja yang hendak dijalankan.
 - b. Jika pemajuan itu berkenaan dengan sesuatu bangunan yang mempunyai senibina tersendiri atau kepentingan sejarah, butir-butir untuk mengenai pasti bangunan itu termasuklah kegunaannya dan keadaannya serta ciri-cirinya rupanya, binaannya dan bentuknya yang tersendiri dan langkah-langkah bagi melindunginya, memeliharanya dan mengindahkannya.
 - c. Jika pemajuan itu melibatkan kerja bangunan butir-butir mengenai ciri-ciri dan rupa bangunan-bangunan yang terletak di kawasan sekeliling.

Manakala dalam **Bangunan VA- Perintah Pemeliharaan Pokok, Seksyen 35A, Akta 172** juga menunjukkan perkara seperti berikut :-

1. Jika Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan berpendapat bahawa adalah sesuai dan bermanfaat bagi kepentingan keselesaan untuk memelihara mana-mana pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok dalam kawasanya, ia boleh membuat suatu perintah pemeliharaan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok itu.

2. Suatu perintah pemeliharaan pokok boleh, secara khusus mengadakan peruntukan.
 - a. Bagi melarang penebangan pokok-pokok kecuali dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dan tertakluk kepada syarat-syarat dan, jika ada, yang dikenakan olehnya;
 - b. Bagi memastikan pokok-pokok ditanam atau diganti melalui penanaman semula mengikut cara yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.
3. Seksyen kecil (2) (a) tidaklah terpaksa bagi penebangan sesuatu pokok;
 - a. Yang hampir mati atau telah mati
 - b. Bagi mencegah bahaya yang hampir benar berlaku; dan
 - c. Jika ia dilakukan sebagai mematuhi mana-mana undang-undang bertulis.
4. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan dalam perintah pemeliharaan pokok adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit(RM100,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.
5. Jika di dalam mana-mana prosiding bagi suatu kesalahan di bawah seksyen ini, telah dibuktikan bahawa sesuatu pokok telah ditebang oleh penduduk tanah yang diatasnya pokok itu tumbuh.

Dalam **seksyen 35B** pula menunjukkan perkara seperti berikut :

Walau apapun seksyen 35A, suatu perintah pemeliharaan pokok tidak boleh dibuat berkenaan dengan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan di bawah perenggan (f) dan (g) seksyen 22(5).

Dalam **Seksyen 35C** pula menunjukkan perkara seperti berikut:

Mana-mana orang yang terkilan dengan;

1. Suatu perintah pemeliharaan pokok,
2. Mana-mana peruntukan dalam suatu perintah pemeliharaan pokok,

- a. penolakan pemberian bertulis, atau;
- b. Mana-mana syarat yang dikenakan ke atas pemberian suatu kebenaran bertulis di bawah perenggan (a) Seksyen 35A(2); atau
3. Suatu perintah untuk menanam atau menggantikan pokok di bawah perenggan (b) seksyen 35A(2) boleh merayu kepada Lembaga Rayuan, dalam masa satu bulan dari tarikh dia diberitahu tentang perintah, penolakan atau penganan syarat-syarat itu.

Dalam **Seksyen 35D** pula menunjukkan perkara seperti berikut :-

1. Jika tuan tanah yang tanahnya dimaksudkan oleh suatu perintah pemeliharaan pokok membuktikan bahawa dia mengalami kerugian berupa kesusutan dalam nilai tanahnya kerana mematuhi perenggan hingga (d) seksyen 35C(1), dia boleh menuntut pampasan daripada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.
2. Suatu tuntutan pampasan di bawah seksyen kecil (1) hendaklah disampaikan kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.
 - a. Dalam masa enam bulan dari tarikh;
 - i. Perintah pemeliharaan pokok,
 - ii. Penolakan pemberian kebenaran bertulis atau penganan syarat-syarat di bawah perenggan (a) Seksyen 35A (2); dan
 - iii. Perintah untuk menggantikan pokok di bawah perenggan (b) Seksyen 35(2) itu diberitahu kepada tuan tanah itu.
 - b. Jika rayuan dibuat di bawah Seksyen 35C(1), dalam masa enam bulan dari tarikh keputusan Lembaga Rayuan mengesahkan perintah, penolakan atau penganan syarat-syarat yang dirayukan itu.
3. Jika tuan tanah itu tidak berpuas hati dengan amaun pampasan yang ditawarkan, dia boleh dalam masa satu bulan dari tarikh *award* itu merayu kepada Lembaga Rayuan yang mempunyai kuasa untuk mengesahkan atau mengubah amaun pampasan yang ditawarkan itu.

Dalam **Seksyen 35E** pula menunjukkan perkara seperti berikut:

1. Maka orang yang didapati bersalah di bawah Seksyen 35A (4) kerana menebang mana-mana pokok yang berkenaan dengannya suatu perintah pemeliharaan pokok berkuatkuasa pada masa ini, secara yang bersalahan dengan perintah pemeliharaan pokok itu, adalah berkewajipan untuk menggantikan pokok itu dengan menanam suatu pokok yang lain:



- a. Daripada saiz dan spesis yang sesuai;
 - b. Di tempat yang sama atau berdekatan dengan tempat yang sama atau tempat lain;
 - c. Dalam masa; dan
 - d. Tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan melainkan jika Pihak Berkuasa Perancang Tempatan mengetepikan keperluan ini atas permohonan orang itu atau atas permohonan mana-mana orang lain atau mengikut budi bicara Pihak Berkuasa Tempatan itu sendiri.
2. Masa yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan di bawah seksyen kecil 1(c) bagi menggantikan pokok boleh dilanjutkan sekali atas permohonan orang yang berkewajipan menggantikan pokok itu.
 3. Mana-mana orang yang terkilan dengan:
 - a. Penolakan permohonan untuk mengetepikan keperluan menggantikan pokok-pokok di bawah seksyen kecil (1);
 - b. Mana-mana perintah yang diberikan di bawah seksyen kecil (1)(a) atau (b)
 - c. Mana-mana terma atau syarat yang dikenakan dibawah seksyen kecil (1) (d); dan
 - d. Penolakan lanjutan masa di bawah seksyen kecil (2); boleh merayu di bawah Lembaga Rayuan, dalam masa satu bulan dari tarikh diberitahu tentang perintah, penolakan atau penganan terma dan syarat itu.
 4. Berhubungan dengan mana-mana pokok yang ditanam semula di bawah seksyen kecil (1), perintah pemeliharaan pokok yang relevan hendaklah terpakai baginya bagaimana ia terpakai bagi pokok asal.
 5. Jika orang yang berkewajipan untuk menggantikan pokok di bawah seksyen kecil (1) tidak berbuat sedemikian, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan apabila disabitkan, denda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit(RM100,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Dalam **Seksyen 35F** pula menunjukkan perkara seperti berikut:

Dalam hal suatu kegagalan untuk menggantikan pokok di bawah seksyen 35E(1), Pihak Berkuasa Perancang Tempatan boleh meneruskan untuk menggantikan pokok itu dan ,walaupun denda di bawah Seksyen 35E(5) telah dijelaskan , kesemua kos dan perbelanjaan yang munasabah dilakukan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan untuk menggantikan pokok itu hendaklah dibayar ganti oleh orang yang berkewajipan untuk menggantikannya.

Dalam **Seksyen 35G** pula menunjukkan perkara seperti berikut:

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan boleh meminda atau membatalkan suatu perintah pemeliharaan pokok termasuklah bagi maksud memberikan kebenaran merancang di bawah seksyen 22(3) berkenaan dengan suatu kawasan yang mengenainya suatu perintah pemeliharaan pokok berkuatkuasa pada masa ini.

Dalam **Seksyen 35H** pula menunjukkan perkara seperti berikut:

1. Tiada seorang pun boleh menebang suatu pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter yang tertakluk kepada suatu perintah pemeliharaan pokok tanpa kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Perancang Tempatan, melainkan jika penebangan itu;
 - a. Adalah berkenaan dengan pokok sedemikian yang hampir mati atau telah mati,
 - b. Adalah bagi mencegah bahaya yang hampir benar berlaku, atau
 - c. Adalah sebagai mematuhi mana-mana undang-undang bertulis lain.
2. Bagi maksud seksyen kecil (1) lilitan suatu pokok hendaklah diukur setengah meter dari bumi dengan syarat bahawa lilitan pokok yang berbanir hendaklah diukur ke atas dari banir itu.
3. Mana-mana orang yang melanggar seksyen kecil (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak boleh melebihi daripada sepuluh ribu ringgit(RM10,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

9.3 AKTA WARISAN KEBANGSAAN (AKTA 645)

Akta Warisan Kebangsaan adalah merupakan akta utama yang berkaitan dengan Warisan. Akta 645 ini telah diwartakan pada 31 Mei 2005 dan berkuatkuasa bagi seluruh Malaysia.



Akta ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemuliharaan dan pemeliharaan Warisan Kebangsaan, warisan semula jadi, warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara, warisan kebudayaan di bawah air, harta karun dan bagi perkara-perkara yang berkaitan. Maka akta ini seharusnya memberi memberi impak dan penentu kepada sebarang cadangan pembangunan.

Peruntukan Akta 645 jelas mempunyai penguatkuasaan perundangan semasa Pihak Berkuasa Perancang Tempatan melayani permohonan cadangan pembangunan. Menurut Seksyen 6, salah satu fungsi Pesuruhjaya Warisan adalah untuk menasihati dan menyelaraskan dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi maksud melindungi, menggalakkan dan berurusan dengan apa-apa warisan.

Akta 645 ini membuat rujukan yang khusus kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan yang mana akta ini "hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) di Semenanjung Malaysia dan Pihak Berkuasa Perancang yang berwibawa di bawah undang-undang Negeri Sabah dan Sarawak".

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dan Pesuruhjaya Warisan perlu bekerjasama bagi menjayakan perlaksanaan pelan pengurusan pemuliharaan dan garis panduannya. Ini termaktub dalam Seksyen 46 akta ini di mana:-

1. Pesuruhjaya hendaklah, selepas berunding dengan Majlis, menyediakan suatu pelan pengurusan pemuliharaan bagi maksud ;
 - a. Menggalakkan pemuliharaan, pemeliharaan, pemulihan, pembaikpulihan atau pembinaan semula suatu tapak warisan;
 - b. Memastikan pengurusan wajar sesuatu tapak warisan termasuk penggunaan dan pembangunan semua bangunan dan tanah dalam tapak warisan.
 - c. Menggalakkan skim bagi pendidikan, atau bagi bantuan praktikal dan kewangan kepada pemunya dan penduduk, dan bagi penglibatan masyarakat dalam membuat keputusan.
2. Pesuruhjaya hendaklah dari semasa ke semasa mengemukakan pelan pengurusan pemuliharaan itu kepada Pihak Berkuasa Negeri atau Pihak Berkuasa Perancang Tempatan yang berkaitan mengikut mana-mana yang berkenaan, dan menasihati dan menyelaraskan dengan Pihak Pengurusan Negeri atau Pihak Berkuasa Perancang Tempatan bagi pelaksanaan pelan pengurusan pemuliharaan dan garis panduannya. Pesuruhjaya hendaklah dari semasa ke semasa mengkaji semula mana-mana pelan pengurusan pemuliharaan.

Akta 645 juga menghendaki Pihak Berkuasa Perancang Tempatan mengambil kira dasar, strategi dan pelan tindakan berhubung dengan kepentingan tapak warisan yang diwartakan dalam menyediakan apa-apa rancangan pembangunan. Seksyen 32 Akta 645 menyebut, Pesuruhjaya hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa Tempatan bagi kawasan Pihak Berkuasa Tempatan tempat tapak warisan itu terletak, tentang penetapan tapak warisan itu supaya Pihak Berkuasa Perancang Tempatan hendaklah mengambil kira apa-apa perkara, dasar, strategi atau pelan tindakan berhubung dengan kepentingan tapak warisan itu dalam menyediakan apa-apa rancangan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 di Semenanjung Malaysia atau undang-undang Negeri yang berkaitan di Sabah dan Sarawak.

Pihak Berkuasa Tempatan perlu mendapat nasihat Pesuruhjaya Warisan mengenai permohonan kebenaran merancang bagi tapak warisan. Ini termaktub dalam Seksyen 40 Akta 645 seperti berikut :-

Pesuruhjaya hendaklah menyelaraskan dan menasihati Pihak Berkuasa Tempatan sebelum apa-apa kebenaran merancang atau perintah pembangunan yang melibatkan tapak warisan diberikan.

3. Jika Pihak Berkuasa Tempatan merujuk apa-apa permohonan oleh mana-mana orang bagi kebenaran merancang atau perintah pembangunan kepada Pesuruhjaya, permohonan itu hendaklah mengandungi :-
 - a. butir-butir yang mencukupi untuk mengenalpasti monumen yang dimaksudkan oleh permohonan itu, termasuk pelan susunaturnya. Pelan pembangunan terukur dan fotograf tiap-tiap sudutnya, termasuk bahagian luar dan dalam monumen itu;
 - b. apa-apa pelan dan lukisan yang lain sebagaimana yang diperlukan untuk memperihalkan kerja yang menjadi perkara permohonan itu;
 - c. langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan keselamatan tapak warisan dan tanah yang berdekatan; dan
 - d. apa-apa butir yang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya.
4. Bagi maksud perenggan 2 (c), tanah yang berdekatan ertinya :-
 - a. Mana-mana tanah yang bersempadanan dalam lingkungan 200 meter dari sempadan tanah yang dimaksudkan oleh permohonan di bawah seksyen ini;
 - b. Mana-mana tanah yang terpisah dari tanah yang dimaksudkan oleh permohonan yang dibuat di bawah seksyen ini oleh mana-mana jalan, lorong, parit atau tanah rizab yang lebarnya tidak melebihi 20



- meter lebarnya dan yang akan menjadi bersempadanan dengan tanah yang dimaksudkan oleh permohonan itu jika tanah itu tidak dipisahkan oleh jalan, lorong, parit atau tanah rizab itu; atau
- c. mana-mana tanah yang terletak dalam lingkungan 200 meter dari sempadan tanah yang dimaksudkan oleh permohonan di bawah seksyen ini.
5. Pesuruhjaya hendaklah menasihati Pihak Berkuasa Perancang Tempatan supaya mengenakan syarat-syarat apabila memberikan kebenaran merancang atau perintah pembangunan yang melibatkan suatu tapak warisan yang boleh termasuk :-
- a. menghendaki pematuhan mana-mana garis panduan dan tatacara pemuliharaan yang dikeluarkan oleh Menteri;
 - b. menghendaki pembayaran apa-apa kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana tapak warisan selepas kerja yang dibenarkan oleh kebenaran merancang atau perintah pembangunan itu selesai; atau
 - c. menghendaki perlindungan dan pengekalan mana-mana ciri tertentu tapak warisan itu.
6. Jika kebenaran merancang diberikan, Pesuruhjaya hendaklah berhubung, bekerjasama dan menyelaraskan dengan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan untuk memantau dan mengawasi terma dan syarat yang dikenakan yang berhubungan dengan pemuliharaan warisan dipatuhi.
7. mana-mana orang yang melanggar mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan.

9.4 CADANGAN MENGGUNAPAKAI DAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM PERUNDANGAN SEDIA ADA

9.4.1 Kanun Tanah Negara

Kanun Tanah Negara, Seksyen 135 dan 124 telah memperuntukkan syarat di mana bagi sesuatu kelulusan pecah sempadan memerlukan pelan susunatur yang diperakukan oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kanun Tanah Negara memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan menentukan keperluan tanah lapang awam, jenis, keluasan dan kategorinya berasaskan dasar di bawah Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan yang diwartakan oleh Kerajaan Negeri.

Di bawah peruntukan ini juga ia memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menguruskan pemilikan pengambilan balik tanah serta penyerahan tapak *Qualified Title* (QT) kepada pemilikan tanah atas lot-lot pemajuan seperti tanah lapang awam, peruntukan di bawah seksyen 197 dan 204 seksyen 62(1) boleh diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk memohon penyerahan; rizab dan perwartaan tanah lapang awam berkenaan supaya boleh memajukan tanah lapang awam berkenaan.

9.4.2 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

Akta 172 merupakan perundangan sedia ada kepada Pihak Berkuasa Negeri dan Tempatan untuk merancang, mengurus dan memajukan sesuatu kawasan untuk kegunaan awam. Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui pengisytiharan memajukan sesuatu kawasan untuk kegunaan awam Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan yang disediakan di bawah Akta 172 adalah merupakan *blue print* bagi mengawal pembahagian dan memastikan kemudahan-kemudahan awam disediakan. Pelaksanaan perancangan kemudahan awam pada kedua-dua peringkat adalah termaktub di dalam beberapa garis panduan dan akta yang terlibat.

Dalam **Seksyen 12(3), Akta 172** memperuntukkan bahawa sesuatu draf Rancangan Tempatan hendaklah megandungi suatu peta dan suatu pernyataan bertulis dan hendaklah;

1. Menyatakan dengan selengkap yang difikirkannya sesuai oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan itu, cadangan-cadangan untuk pemajuan dan penggunaan tanah dalam kawasan rancangan tempatan itu, termasuklah langkah-langkah yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan untuk menentukan keperluan tanah lapang awam; dan
2. Mengandungi perkara-perkara yang ditetapkan atau yang ditentukan oleh Jawatankuasa dalam suatu kes yang tertentu.

Manakala **Seksyen 21A dalam Akta 172** yang memperuntukkan bahawa prasyarat kepada kelulusan pecah sempadan dan kelulusan kebenaran merancang yang perlu menyediakan Laporan Cadangan Pemajuan(LCP) diperakukan terlebih dahulu. Kelulusannya memerlukan kepada penyediaan dan senarai dalam bentuk jadual. Rizab-rizab kerajaan yang telah dirancang untuk diserahkan semula miliknya kepada kerajaan, Cadangan Pelan Induk Landskap perlu disediakan untuk kebenaran merancang disertakan dengan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) bagi memastikan aspek-aspek semula jadi yang terdapat di kawasan pembangunan dipelihara, dialih atau ditanam semula.

Di bawah peraturan akta ini, sesuatu pelan susunatur tanah lapang awam adalah salah satu syarat untuk dipenuhi bagi kelulusan kebenaran merancang. Di peringkat ini Pihak Berkuasa Tempatan perlu kepada Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan yang telah diwartakan dan garis panduan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan yang belum mempunyai Rancangan Tempatan hendaklah merujuk keperluan pelan semasa yang adanya diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Bagi memastikan Pelan Induk Landskap diperakui daripada segi perundangan ia harus diperuntukkan dan disediakan di bawah **Bahagian III- Rancangan Kemajuan Seksyen 12** Rancangan Tempatan. Dengan ini, Pelan Induk Landskap dapat mewujudkan perancangan dan pengurusan yang baik daripada segi landskap bagi memperindah dan menceriakan kawasan yang dibangunkan. Cadangan Pelan Induk dan pelan landskap mempunyai perundangan atau akta yang tersendiri boleh digubal mengikut keperluan dan garis panduan yang ditetapkan dengan mengambil kira pelbagai aspek yang melibatkan perancangan dan pembangunan landskap.

Pewartaan akta yang berkaitan dengan Pelan Induk Landskap melibatkan pelbagai pihak seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Akitik Landskap yang bertauliah dan agensi-agensi yang berkaitan dengan perancangan dan pembangunan landskap perlu dirancang dengan teliti dan perincian setiap aspek yang berkaitan dengan landskap perlu diambil kira.

9.4.3 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, (Akta 133)

Bagi pertimbangan pelan bangunan dan pemberian Sijil Layak Menduduki (CF) memerlukan semakan dokumen atas beberapa perkara antaranya adalah pelan susunatur yang telah disahkan oleh Kerajaan Negeri dan Pelan Infrastruktur. Di bawah peruntukan ini, rizab kerajaan seperti tanah lapang awam boleh dimasukkan di dalam semakan dokumen kerana tanah lapang awam adalah sebahagian daripada pemajuan fizikal dan penyediaan parit, tanaman rumput perlu dijadikan agenda tetap di dalam senarai dokumen untuk disahkan sebagai prasyarat kelulusan Sijil Layak Menduduki (CF).

9.5 KESIMPULAN

Dalam pembangunan landskap, masih belum terdapat akta yang tertentu dalam mengawal serta menguruskan projek pembangunan landskap. Namun demikian, terdapat beberapa akta yang masih boleh digunapakai dalam mengawal kerja-kerja pembangunan landskap. Antara akta yang digunakan adalah Kanun Tanah Negara dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Penambahbaikan akta-akta ini perlu bagi memastikan setiap pembangunan landskap yang dicadangkan akan lebih berkesan dan tidak akan menimbulkan sebarang masalah pada masa yang akan datang.